

Belia kurang pengetahuan kewangan

SERDANG 2 Mac - Golongan muda bawah 40 tahun di Malaysia didapati bukan sahaja mempunyai tahap pengurusan kewangan yang lemah tetapi kurang pengetahuan tentang pengurusan kewangan terutama dalam aspek berkaitan dengan kredit dan hutang, pengurusan risiko, pelaburan serta perbankan Islam.

Kajian yang dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) ke atas 480 responden (berumur 40 tahun ke bawah) pada tahun lalu mendapati, golongan itu mudah keliru apabila menyentuh tentang aspek-aspek kewangan dan tabung-masa depan.

Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, UPM, Dr. Mohamad Fazli Sabri (**gambar**) berkata, daripada hasil kajian yang dijalankan itu, 52.8 peratus menyatakan pendapatan mereka hanya cukup untuk memenuhi keperluan asas sahaja manakala untuk simpanan pula, hanya 53.1 peratus mampu menabung kurang daripada 10 peratus pendapatan.

"Generasi muda hari ini masih lagi keliru apabila berkait dengan kewangan mereka terutama dalam simpanan hari tua, pelaburan pintar, hutang dan kad kredit. Bahkan, mereka mempunyai pengetahuan kewangan yang rendah mengenai kadar faedah, inflasi

dan kepelbagaian risiko.

"Kesannya, mereka tidak mampu mencapai kesenangan dan kekayaan kerana sering berhadapan dengan bebanan kewangan disebabkan tidak berupaya dalam menguruskan bajet dan merancang kewangan dengan baik," ujar beliau kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Tahun lalu, laporan menunjukkan 68,299 individu berumur di bawah 45 tahun diisytiharkan bankrap dalam tempoh 2005 hingga 2012.

Kebimbangan itu bukan kerana jumlahnya melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan 129,640 individu yang dilaporkan muflis oleh Jabatan Insolvensi Malaysia dalam tempoh itu, tetapi secara tidak langsung menzahirkan budaya pengurusan kewangan yang masih lemah dalam kalangan belia di negara ini.

Mohamad Fazli berkata, masalah beban kewangan ini turut dapat dilihat di beberapa buah negara maju, misalnya Jerman pada 2011 mempunyai kepadatan penduduk seramai 6.4 juta dan hampir 243,000 ribu pekerja muda berada dalam keadaan hutang yang tinggi.

Hal yang sama, katanya, turut berlaku di United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS) di mana peningkatan hutang pekerja muda bertambah hampir 100 peratus di UK dan 52 peratus di AS pada tahun 2004.

Bahkan, beliau juga bimbang terhadap situasi rakyat Malaysia yang memilih sumber kewangan tidak sah dan berdaftar seperti ceti

haram atau ah long sebagai jalan menyelesaikan beban kewangan.



INFO



% Pemilikan aset

40 memiliki rumah sendiri

25.8 menyewa

18.3 adalah milik ahli keluarga

15.9 masih menumpang, tinggal di kuarters atau harta pusaka



% Simpanan bulanan

(tidak termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja)

6.9 tidak menyimpan

53.8 membuat simpanan kurang daripada 10%

31.5 membuat simpanan kurang daripada 20%

7.9 menyimpan lebih daripada 20%